



Staf manfaatkan Hari Bertemu Pelanggan

Hampir 500 staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) memanfaatkan Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan secara berkala anjuran Jabatan Pendaftar, UMP bertempat di Dewan Astaka UMP Gambang pada 3 April 2012 yang lalu.

Penganjuran kali keempat ini dikunjungi sebahagian besar staf UMP bagi mendapatkan nasihat dan maklumat berhubung perkhidmatan pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Menurut Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim, program ini memberi peluang kepada staf UMP untuk memperoleh dan mengemaskini maklumat serta khidmat nasihat berhubung pembangunan sumber manusia termasuk perkhidmatan berkaitan Jabatan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik dan Jabatan Bendahari.

"Program ini turut menampilkan beberapa agensi untuk perkhidmatan perbankkan dan pemeriksaan kesihatan yang secara langsung dapat memberi kemudahan kepada staf untuk menjalankan urusan berkaitan,"

katanya yang mengharapkan agar staf dapat mengambil peluang dengan kemudahan yang disediakan.

Antara agensi yang turut mengambil bahagian adalah Pusat Kutipan Zakat, Lembaga Tabung Haji, Amanah Saham Mara, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pusat Rawatan Keluarga MUIP dan Amanah Raya Berhad & Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Pada masa yang sama turut diadakan Wacana Pengurusan Strategik (Perkongsian Amalan Terbaik) yang dikelolakan oleh Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPPK).

Selain itu, sesi ceramah yang disampaikan Pengurus Pusat Kutipan Zakat Kuantan, Zafridan Daud dan Kaunselor Kredit (AKPK), Chong Soon Lan juga membincangkan mengenai pengurusan kewangan secara bijak dan berkat.

Pengunjung yang merupakan staf Bahagian Pengurusan Akademik, Mohd Nor

Azmi Ahamad, 26, berkata, program sebegini sememangnya dinantikan staf kerana selain dapat berurusan mengenai perkhidmatan dengan pihak pentadbiran UMP, malah staf juga dapat dapat menjalankan urusan perbankan secara langsung dalam universiti.

Katanya, secara tidak langsung ianya dapat menjimatkan masa dan memberi kemudahan kepada staf.

Manakala bagi staf Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Norzielawati Romli pula berkata, dengan program ini beliau berpeluang membuat pemeriksaan kesihatan dan mendalam mengenai Kaunseling Psikologi Keibubapaan di kaunter LPPKN.

"Memandangkan kekangan masa berkerja kadangkala staf sukar mendapatkan peluang untuk mendapatkan perkhidmatan secara persendirian."

"Program ini diharap dapat diteruskan pada masa hadapan melibatkan lebih banyak agensi lain untuk memberikan kemudahan kepada warga UMP," katanya.